

21/09/2003

UIAM lancar koleksi ucapan Dr Mahathir

KUALA LUMPUR: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) akan mengadakan majlis pelancaran koleksi ucapan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang bertajuk Encyclopedia of Dr Mahathir Bin Mohamad, Prime Minister of Malaysia, di Pusat Aktiviti Kebudayaan UIAM, hari ini.

Majlis pelancaran akan dilakukan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, jam 8 malam ini, kata UIAM dalam satu kenyataan yang dikeluarkan di sini, semalam.

Ensiklopedia yang diterbitkan dalam 10 jilid itu mengandungi koleksi ucapan Dr Mahathir yang menyentuh isu mengenai Islam dan umat Islam, dilema orang Melayu, isu mengenai Asia, globalisasi dan perkongsian pintar, sains dan teknologi, hak asasi manusia, politik dan isu kontemporari lain.

"Turut dimuatkan ialah pemikiran beliau yang menyentuh isu kedaifan masyarakat Islam dalam pelbagai aspek menyebabkan mereka berdepan dengan masalah untuk menerima perubahan yang berlaku di sekeliling mereka," katanya.

Ensiklopedia ini adalah koleksi ucapan Dr Mahathir yang disampaikan melalui forum di dalam dan luar negara selama lebih 20 tahun beliau berkhidmat sebagai Perdana Menteri. Penubuhan UIAM diilhamkan sendiri oleh Dr Mahathir pada awal 1980an.

Ensiklopedia ini diterbitkan dengan usaha sama dua penerbit luar negara, Dar Al-Kitab Masri (Mesir), Dar Al-Kitab Allubnani (Lebanon) dan dua penerbit Malaysia, Dar Al-Kitab dan Darul Fikir. Ia diterbitkan dalam bahasa Arab dan Inggeris.